A

Public Bank Bhd lwn Sapiah bt Sulaiman

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN NO 12BNCC-06–05 TAHUN 2015
HANIPAH FARIKULLAH H
4 JANUARI 2016

C

Keterangan — Saksi pakar — Tandatangan — Perjanjian sewa beli kenderaan — Penjamin bersetuju dan menjamin segala bayaran pinjaman — Kemungkiran perjanjian — Dakwaan bahawa penjamin ketiga tidak menandatangani jaminan — Sama ada plaintif berjaya membuktikan bahawa defendan ketiga menandatangani perjanjian jaminan tersebut — Sama ada laporan pakar pemeriksa mematuhi garis panduan Jabatan Kimia

D

Defendan pertama telah menyewa beli sebuah kenderaan ('unit tersebut') daripada perayu ('plaintif') melalui satu perjanjian sewa ('perjanjian tersebut'). Defendan kedua dan responden ('defendan ketiga') adalah pengarah dan pemegang saham defendan pertama dan juga penjamin kepada perjanjian tersebut melalui suatu surat gerenti ('gerenti tersebut'). Di bawah terma-terma gerenti tersebut, defendan ketiga sebagai pengerenti bersetuju dan menjamin segala bayaran pinjaman tersebut dan jumlah-jumlah wang yang akan dibayar oleh penyewa yang tertakluk dalam perjanjian tersebut dan prestasi dan pematuhan penetapan dan syarat-syarat oleh penyewa yang tertakluk dalam perjanjian tersebut; dan defendan ketiga bersetuju untuk menanggung rugi segala kehilangan, kerugian dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pemilik disebabkan oleh pengabaian penyewa dalam melaksanakan penetapan dan syarat-syaratnya yang tertakluk di dalam perjanjian tersebut. Plaintif mendakwa defendan pertama sebagai penyewa telah melanggar perjanjian tersebut dan defendan kedua dan defendan ketiga telah melanggar gerenti tersebut apabila defendan kedua dan defendan ketiga gagal, enggan dan/atau ingkar membuat bayaran ansuran tertunggak dan/atau memulangkan unit tersebut kepada perayu. Berikutan itu, perayu telah memulakan suatu tindakan writ saman terhadap kesemua defendan termasuk defendan ketiga. Defendan pertama dan kedua tidak diwakili dan tidak hadir. Suatu penghakiman ingkar dimasukkan terhadap mereka. Tindakan perayu terhadap defendan ketiga diteruskan dengan perbicaraan penuh. Hakim mahkamah sesyen membatalkan tuntutan plaintif terhadap defendan ketiga dengan kos ('penghakiman tersebut'). Perayu yang tidak berpuas hati dengan penghakiman tersebut telah merayu ke Mahkamah Tinggi. Isu-isu utama yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada plaintif berjaya membuktikan bahawa defendan ketiga menandatangani perjanjian gerenti

E

F

G

H

I

tersebut; dan sama ada laporan pakar pemeriksa mematuhi garis panduan Jabatan Kimia.

Diputuskan, membenarkan rayuan dengan kos sebanyak RM2,000:

(1) Keterangan defendan ketiga bercanggah dengan plidingnya dan dengan itu kredibiliti keterangan yang diberikan olehnya tidak selamat untuk diterima oleh mahkamah. Berdasarkan dokumen kontemporari defendan ketiga bahawa defendan ketiga sendiri yang menandatangani perjanjian dan gerenti tersebut, ia bercanggah dengan apa yang diplidkan oleh defendan ketiga dalam pembelaan defendan ketiga iaitu bahawa defendan ketiga tidak pernah menandatangani gerenti tersebut (lihat perenggan 24 & 27).

(2) Proses mendapatkan 'requested specimen' harus disaksikan oleh seorang saksi. Walau bagaimanapun, dalam tindakan ini, proses untuk mendapatkan 'requested specimen' defendan ketiga tidak disaksikan oleh sesiapa pun. Ini melanggar garis panduan dan tidak selamat untuk diterima oleh mahkamah. Ini berkemungkinan besar adalah hasil peniruan oleh defendan ketiga (lihat perenggan 33 & 40).

(3) 'Collected contemporaneous specimen' yang diberikan kepada Jabatan Kimia Malaysia oleh defendan ketiga harus diketepikan dan berikutan daripada itu, segala keputusan daripada pemeriksaan bagi tindakan ini yang telah menggunakan 'collected contemporaneous specimen' yang tidak mematuhi garis panduan dan tidak sepadan dengan ciri-ciri keutamaan 'collected contemporaneous specimen' harus juga diketepikan (lihat perenggan 47).

[English summary

The first defendant rented a vehicle ('the unit') from the appellant ('the plaintiff') based on a hire purchase agreement ('the agreement'). The second defendant and the respondent ('the third defendant') were the directors and shareholders of the first defendant and were the guarantors to the agreement by way of a letter of guarantee ('the said guarantee'). Under the terms of the guarantee, the third defendant, as a guarantor, agreed and guaranteed the payments of the loan and the amount of monies paid by the hirer, subject to the agreement and performance and compliance of the terms by the hirer, subject to the said agreement; and the third defendant agreed to incur the losses and expenses maintained by the oner as a result of the hirer's neglect in carrying out the terms subject to the said agreement. The plaintiff claimed that the first defendant, as a hirer, had breached the guarantee when the second and third defendants failed, refused to and/or breached the owing instalment payments and/or return the said unit to the appellant. Following that, the appellant commenced a writ action against all the defendants, including the third defendant. The first and second defendants were not represented and were not

in attendance. A judgment in default was entered against them. The appellant's action against the third defendant proceeded with a full trial. The sessions court judge struck off the plaintiff's claim against the third defendant with costs ('the said judgment'). The appellant was dissatisfied with the said judgment and appealed to the High Court. The main issues to be determined by the court were whether the plaintiff successfully proved that the third defendant executed the guarantee agreement; and whether the expert examiner report complied with the guidelines of the chemist department.

Held, allowing the appeal with costs of RM2,000:

(1) The third defendant's evidence was inconsistent with his pleadings and therefore, the credibility of the evidence given by him was not safe to be accepted by the court. Based on the third defendant's contemporaneous document that the third defendant signed the said agreement and guarantee; it was inconsistent with whatever pleaded by the third defendant in the third defendant's defence that the third defendant did not sign the said guarantee (see paras 24 & 27).

(2) The process of obtaining the 'requested specimen' must be attested by another witness. However, in this action, the process to obtain the third defendant's 'requested specimen' was not attested by anyone. This was in breach of the guidelines and was not safe to be accepted by the court. There was a high possibility that there was forgery by the third defendant (see paras 33 & 40).

(3) The 'collected contemporaneous specimen' given by the Malaysian Chemist Department adduced by the third defendant must be set aside and following that, all the decisions on the examination in this action which used the 'collected contemporaneous specimen' did not comply with the guidelines and was not consistent with the main characteristics of the 'collected contemporaneous specimen' must be also set aside (see para 47).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tandatangan, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2001–2003.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Sewa Beli 1967

Peraturan-Peraturan Sewa Beli (Permohonan Permit dan Tatacara Pemilikan Semula Barangan) 2011

Lim Kien Huat (Lee & Lim) bagi pihak plaintif.
Maznah bt Kamaruddin (Abdullah Maznah & Jefri) bagi pihak defendan.

Hanipah Farikullah H:

[1] Perayu ('plaintif') merayu terhadap keseluruhan keputusan hakim mahkamah sesyen yang menolak tuntutan perayu terhadap responden ('defendan ketiga') dengan kos.

FAKTA KES

[2] Perayu adalah sebuah bank berlesen yang berdaftar di Malaysia dan beralamat pejabat di Pusat Pentadbiran Kredit, Tingkat 14, Bangunan Public Bank, No 6 Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

[3] Responden adalah seorang individu dan mempunyai alamat penyampaian terakhir yang diketahui di No 11 Jalan Monsun 8/6 Seksyen 8, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

[4] Defendan pertama telah menyewa beli sebuah kenderaan jenis Mercedes Benz C180-W204 yang mempunyai nombor pendaftaran WYM 9309 (dahulunya dikenali sebagai BBL 4) ('unit tersebut') daripada perayu melalui suatu perjanjian sewa No 8397796436 yang bertarikh 5 November 2012 ('perjanjian tersebut').

[5] Defendan kedua dan responden adalah pengarah dan pemegang saham defendan pertama dan juga penjamin kepada perjanjian tersebut melalui suatu surat gerenti yang bertarikh 5 November 2012 ('gerenti tersebut').

[6] Terma-terma gerenti tersebut adalah antara lain seperti berikut:

(a) responden sebagai pengerenti bersetuju dan menjamin segala pembayaran pinjaman tersebut dan jumlah-jumlah wang yang akan dibayar oleh penyewa yang tertakluk di dalam perjanjian tersebut dan prestasi dan pematuhan penetapan dan syarat-syarat oleh penyewa yang tertakluk di dalam perjanjian tersebut; dan

(b) responden bersetuju untuk menanggung rugi segala kehilangan, kerugian dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pemilik disebabkan oleh pengabaian penyewa dalam melaksanakan penetapan dan syarat-syaratnya yang tertakluk di dalam perjanjian tersebut.

[7] Plaintif mendakwa defendan pertama sebagai penyewa telah memungkiri perjanjian tersebut, dan defendan kedua dan responden telah memungkiri gerenti tersebut apabila defendan kedua dan responden gagal, enggan dan/atau ingkar membuat bayaran ansuran tertunggak dan/atau memulangkan unit tersebut kepada perayu walaupun Notis Jadual Ke-4 bertarikh 5 Disember 2013 di bawah Akta Sewa Beli 1967 dan Notis Peraturan

Tiga bertarikh 21 Disember 2013 di bawah Peraturan-Peraturan Sewa Beli (Permohonan Permit dan Tatacara Pemilikan Semula Barangan) 2011 telah diserahkan kepada responden secara pos berdaftar. A

[8] Berikutan itu, perayu telah memulakan suatu tindakan writ saman terhadap kesemua defendan termasuk responden. B

[9] Defendan pertama dan kedua tidak diwakili dan tidak hadir. Sehubungan ini, suatu penghakiman ingkar telahpun dimasukkan terhadap mereka pada 19 Mac 2014. C

[10] Tindakan perayu terhadap responden diteruskan dengan perbicaraan penuh dan pada 28 Mac 2015. Hakim mahkamah sesyen telah membatalkan tuntutan perayu/plaintif terhadap responden/defendan ketiga dengan kos ('penghakiman tersebut'). D

[11] Perayu yang tidak berpuas hati dengan penghakiman tersebut telah merayu ke Mahkamah Tinggi.

ISU-ISU E

[12] Isu-isu utama yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah seperti berikut.

(a) sama ada perayu telah berjaya membuktikan bahawa responden menandatangani perjanjian gerenti tersebut; dan F

(b) sama ada laporan pakar pemeriksa mematuhi garis panduan jabatan kimia.

Sama ada perayu telah berjaya membuktikan bahawa responden menandatangani perjanjian gerenti tersebut G

[13] Responden di dalam pembelaannya telah menafikan mempunyai pengetahuan dan bersetuju memasuki gerenti di bawah kemudahan tersebut pada masa material dan menafikan pernah menandatangani gerenti dan menegaskan bahawa jika pun terdapat tandatangan pada gerenti, tandatangan defendan ketiga telah dipalsukan. H

[14] Responden di dalam pembelaannya telah menjadikan isu pemalsuan tandatangan sebagai asas pembelaan. Sehubungan ini, responden menghujahkan bahawa responden telah berjaya membuktikan wujudnya pemalsuan tandatangan atas dasar imbangan kebarangkalian ('balance of probabilities') dan perayu pula, pada dasar imbangan kebarangkalian telah gagal membuktikan tuntutan mereka, *inter alia*, responden pernah I

tandatangan pada gerenti bertarikh 5 November 2012.

[15] Perayu telah melalui saksi SP2 iaitu seorang pegawai operasi perayu memberi keterangan bagaimana beliau mendapatkan tandatangan responden untuk gerenti tersebut.

[16] SP2 telah memberi keterangan bahawa beliau telah pergi ke rumah responden di No 11 Jalan Monsun 8/6, Seksyen 8, 40000 Shah Alam, Selangor untuk mendapatkan tandatangan responden bagi gerenti tersebut.

[17] SP2 memberi keterangan bahawa beliau telah menggunakan alat pembaca biometrik untuk mengesahkan identiti responden sebelum membenarkan responden menurunkan tandatangan beliau ke atas gerenti tersebut.

[18] Bagi menggambarkan kebolehpercayaan alat pembaca biometrik, SP2 secara khusus memberi keterangan bahawa hanya dengan cap jari SP2 yang boleh mengaktifkan alat pembaca biometrik tersebut untuk membuat pengesahan identiti sesuatu cap jari bersepadan dengan kad pengenalan asal.

[19] Sehubungan ini, SP2 secara khusus memberi keterangan bahawa semasa di rumah responden, SP2 telah mengaktifkan alat pembaca biometrik dengan cap jarinya dan kemudian responden telah memberi kad pengenalan asal beliau kepada SP2 untuk dimasukkan ke dalam alat pembaca biometrik tersebut dan seterusnya responden pula yang menurunkan cap jari beliau ke atas alat pembaca biometrik tersebut. Alat pembaca biometrik tersebut telah mengesahkan bahawa cap jari responden adalah sepadan dengan kad pengenalan asal responden dan dengan demikian, SP2 telah membenarkan responden untuk menurunkan tandatangan beliau ke atas gerenti tersebut dan kesemua ini telah disaksikan oleh SP2.

[20] Peguam perayu menghujahkan bahawa bagi memastikan bahawa tiada kesilapan identiti terhadap penanda tandatangan setiap individu ke atas dokumen syarikat perayu, perayu telah mewajibkan penggunaan alat pembaca biometrik untuk mengesahkan identiti penanda tandatangan sebelum membenarkan penanda menurunkan tandatangan beliau ke atas dokumen syarikat perayu.

[21] Perlu ditekankan bahawa keterangan SP2 menunjukkan bahawa pada setiap masa yang material, SP2 tidak pernah membuat keterangan bahawa SP2 ada memberi alat pembaca biometrik kepada sesiapa pun.

[22] Malah, SP2 telah memberi keterangan bahawa alat pembaca biometrik tersebut adalah khusus kepada beliau dan hanya beliau yang boleh mengaktifkan alat pembaca biometrik tersebut. Dalam hal ini, SP2 juga telah memberi keterangan yang jelas bahawa beliaulah yang membawa alat pembaca biometrik tersebut ke rumah responden untuk mengesahkan identiti responden dan mendapatkan tandatangan responden.

[23] Saya telah meneliti keterangan SP2 dan mendapati bahawa beliau adalah seorang saksi yang kredibel dan oleh itu keterangannya boleh dipercayai.

[24] Sebaliknya, saya mendapati bahawa keterangan responden adalah bercanggah dengan pliding beliau dan dengan itu kredibiliti keterangan yang diberikan oleh beliau tidak selamat untuk diterima oleh mahkamah berdasarkan antara lain alasan berikut:

> Saya hanya dapat tahu mengenai wujudnya Perjanjian Sewa Beli dan Gerenti bertarikh 5 November 2012 apabila saya mendapat surat Perjanjian Sewa Beli dan Gerenti tersebut yang dihantar melalui Pos Berdaftar ke alamat saya pada bulan November 2012.

[25] Di dalam pembelaan responden pada perenggan 14 di ms 13 rekod rayuan, responden telah memplidkan seperti berikut:

> ... Defendan Ketiga tidak pernah menandatangani Perjanjian Sewa Beli dan Perjanjian Gerenti bertarikh 5 November 2012 tersebut.

[26] Walau bagaimanapun, dokumen kontemporari responden sendiri iaitu laporan polis yang dibuat oleh responden yang bertarikh 24 Mac 2013 seperti pada ms 66 rekod rayuan yang menyatakan seperti berikut:

> Saya mengesyaki Ainuddin bin Hasim dan Aida Marian binti Mohd Yusof telah memanipulasi ... Tandatangan dan cop jari saya kerana mereka telah datang ke rumah saya pada awal November 2012 dan meminta saya menurunkan tandatangan dan cop jari pada kertas untuk pengauditan syarikat.

[27] Oleh itu, berdasarkan dokumen kontemporari responden bahawa responden sendiri yang menandatangani perjanjian tersebut dan gerenti tersebut dan ia adalah bercanggahan dengan apa yang diplidkan oleh responden dalam pembelaan responden iaitu bahawa responden tidak pernah menandatangani gerenti tersebut.

[28] Dapat diperhatikan dengan jelas bahawa pliding responden sekali lagi bercanggakan dengan dokumen kontemporari responden sendiri iaitu laporan polis yang sama pada ms 66 rekod rayuan yang menyatakan seperti berikut:

Saya mengetahui pinjaman tersebut melalui surat perjanjian jual/beli yang dihantar ke rumah saya.

[29] Sama ada laporan pakar pemeriksa mematuhi garis panduan jabatan kimia.

[30] Dalam memutuskan bahawa tandatangan pada gerenti tersebut bukan merupakan tandatangan responden, hakim mahkamah sesyen telah bergantung kepada laporan jabatan kimia pakar pemeriksa/('SD3'). Sehubungan ini SD3 memberi keterangan bahawa:

result and conclusion

On comparison, I found that the questioned signature 'Q1-A' showed significant differences in handwriting characteristics from the specimen signatures 'S'. Hence, I am of the opinion that this questioned signature was probably not written by the writer of the specimens *(Rujuk D-15)*.

[31] Pada pandangan saya, adalah tidak selamat bagi mahkamah bergantung kepada laporan oleh SD3 berdasarkan alasan-alasan seperti yang dihujahkan oleh perayu seperti berikut.

Pakar pemeriksa telah menjalankan pemeriksaan berdasarkan 'requested specimen' yang tidak disaksikan dan proses memperolehinya adalah juga melanggari garis panduan

[32] Proses untuk mendapatkan *requested specimen* harus disaksikan oleh seorang saksi dan prosedur ini turut diakui dan disahkan oleh SD3 sendiri selaku seorang pakar pemeriksa di dalam keterangan beliau seperti berikut:

S: Apakah garis panduan untuk memperolehi requested specimen ini?

J: *Ditandatangan di hadapan seorang saksi itu sahaja.*

[33] Walau bagaimanapun, dalam tindakan ini, proses untuk mendapatkan *requested specimen* responden adalah tidak disaksikan oleh sesiapa pun. ini adalah diakui dan disahkan oleh responden sendiri dalam keterangan beliau seperti berikut:

S: Ada siapa-siapa yang saksikan anda lakukan tandatangan ini?

J: *Saya sendiri.*

S: Soalan ada saksi ke tak ada?

J: *Tak ada siapa.*

[34] Disebabkan proses untuk mendapatkan *requested specimen* di dalam

tindakan ini adalah tidak disaksikan, ia adalah melanggari garis panduan dan pada pandangan saya tidak selamat untuk diterima oleh mahkamah.

[35] Selanjutnya, perenggan (C) di ms 185 rekod rayuan iaitu garis panduan Jabatan Kimia Malaysia, jelas menyatakan proses yang sepatutnya untuk mendapatkan *requested specimen* adalah seperti berikut:

> (C) Bagi tandatangan yang dipertikaikan, 20 'Requested Specimen' turut dikehendaki untuk pemeriksaan. Individu terbabit dikehendaki menandatangani sebanyak 5 kali di atas sehelai kertas kosong. Kertas itu diambil daripada individu berkenaan selepas ditandatangani dan kertas kosong yang baru diberikan kepadanya dan proses ini diulangi sehingga 20 spesimen tandatangan diperolehi.

[36] Peguam perayu menghujahkan bahawa tujuan proses ini diperuntukkan ke dalam garis panduan dan diamalkan oleh kalangan pakar pemeriksa adalah untuk mengurangkan kemungkinan peniruan oleh pembuat *requested specimen* seperti yang dikatakan oleh pakar pemeriksa yang masyhur Jacques Mathyer di dalam artikelnya yang berjudul *The Expert Examination of Signatures*.

[37] Perkara ini, selanjutnya diakui dan disahkan oleh SD3 sendiri dalam tindakan ini sepertimana yang dikatakan dalam keterangan beliau seperti berikut:

> S: Kalau kamu perlu mendapat requested specimen lebih daripada 1 helai, kamu akan bagi dia helai pertama selepas dia dah buat helai pertama; helai pertama itu akan disimpan tidak dalam penglihatan beliau untuk membuat specimen helai kedua. Itu yang lebih baik supaya dia tidak dapat lihat dan meniru, setuju?
>
> J: Setuju.

[38] Oleh itu, saya dapati *requested specimen* yang diperolehi daripada responden dalam tindakan ini telah sekali lagi melanggari garis panduan dan ilmu pakar pemeriksa apabila responden menghasilkan *requested specimen* secara sekaligus di mana helaian yang telah ditandatangani oleh beliau masih lagi berada di skop penglihatan beliau semasa responden membuat *requested specimen* yang lain.

[39] Kenyataan ini adalah diakui dan disahkan oleh responden sendiri di dalam keterangan beliau seperti berikut:

> S: Apabila kamu habis helai pertama kamu letak tepi dan terus buat yang lain?
>
> J: *Buat lain.*
>
> S: So yang helai pertama masih di atas meja?

J: *Ya.*

[40] Oleh yang demikian, *requested specimen* yang diperolehi dalam tindakan ini tidak wajar diambil kira oleh mahkamah kerana berdasarkan prosedur dalam memperolehinya yang telah melanggari garis panduan dan ilmu pakar pemeriksa, *requested specimen* ini berkemungkinan besar adalah hasil peniruan oleh responden.

Pakar pemeriksa hanya menggunakan lapan collected contemporaneous specimen

[41] Garis panduan Jabatan Kimia Malaysia pada perenggan (A) di ms 185 rekod rayuan sangat jelas menyatakan bahawa sekurang-kurangnya sepuluh *collected contemporaneous specimen* asal harus diperolehi bagi menjalankan suatu pemeriksaan tandatangan.

[42] Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada laporan pakar pemeriksa dalam tindakan ini di ms 151 rekod rayuan, SD3 hanya dibekalkan lapan *collected contemporaneous specimen* dan ini adalah tidak mematuhi garis panduan Jabatan Kimia Malaysia.

Salinan karbon adalah tidak sesuai untuk pemeriksaan

[43] SD3 di dalam keterangannya menyatakan bahawa dari lapan *collected contemporaneous specimen* yang dibekalkan, hanya empat *collected contemporaneous specimen* adalah asal dan yang baki empat adalah salinan karbon dan tidak sesuai untuk pemeriksaan seperti yang diakui dan disahkan. Dalam hal ini, SD3 dalam keterangan beliau menyatakan seperti berikut:

S: Keseluruhannya berapa yang kamu terima?

J: *8 dan 4 adalah carbon copy.*

S: Kita nak kamu beritahu bagaimana kamu terima 8?

J: *S1 ada 1, S2 ada 1, S3 ada 1, S4 ada 5 dan 4 daripada S4 adalah carbon copy dan selainnya adalah daripada 2011.*

S: Kalau ikut pengiraan kamu, yang mematuhi Garis Panduan kamu adalah hanya 4, setuju?

J: *Ya. 4 saja collected contemporaneous specimen.*

[44] Oleh yang demikian, saya bersetuju dengan hujah peguam responden bahawa adalah jelas setelah menolak empat salinan karbon daripada *collected contemporaneous specimen* dalam tindakan ini, ia hanya tinggal empat sahaja *collected contemporaneous specimen* yang mematuhi garis panduan, dan hasil

pemeriksaan berdasarkan contoh specimen yang begitu sedikit adalah tidak jitu dan tidak tepat.

Collected contemporaneous specimen harus berada dalam bentuk dokumen harian

[45] Dalam tindakan ini, *collected contemporaneous specimen* yang diberi oleh responden yang bertanda S1, S2 dan S3 di ms 86–88 rekod rayuan bukan merupakan dokumen harian.

[46] Saya dapati dokumen-dokumen yang bertanda S1, S2 dan S3 merupakan dokumen-dokumen bagi pembelian kereta dan ia adalah tidak munasabah bagi seseorang untuk membeli kereta dalam aktiviti harian mereka. Oleh itu saya bersetuju dengan hujah perayu bahawa pembelian kereta adalah suatu tindakan yang dilakukan pada masa-masa yang tertentu sahaja dan bukannya suatu aktiviti harian.

Kepentingan collected contemporaneous specimen

[47] Saya bersetuju dengan hujah perayu bahawa *collected contemporaneous specimen* yang diberikan kepada Jabatan Kimia Malaysia oleh responden harus diketepikan dan berikutan daripada itu, segala keputusan daripada pemeriksaan SD3 bagi tindakan ini yang telah menggunakan *collected contemporaneous specimen* yang tidak mematuhi garis panduan dan tidak sepadan dengan ciri-ciri keutamaan *collected contemporaneous specimen* harus juga diketepikan berdasarkan alasan-alasan berikut:

(a) *collected contemporaneous specimen* adalah spesimen ataupun dokumen yang diberi keutamaan yang amat berat dalam suatu kajian pemeriksaan suatu tandatangan;

(b) sebab *collected contemporaneous specimen* diberikan keutamaan yang berat adalah kerana ia harus merupakan dokumen-dokumen yang asal, dokumen-dokumen yang ditandatangani dalam bentuk harian, dokumen-dokumen yang ditandatangani secara rela hati dan juga merupakan dokumen-dokumen yang ditandatangani pada masa yang terdekat dengan suatu tandatangan yang dipertikaikan;

(c) dengan demikian, kemungkinan bagi penanda tandatangan untuk menipu atau menyamar suatu tandatangan adalah di tahap yang sangat rendah. Oleh sebab itulah, *collected contemporaneous specimen* diberikan keutamaan yang amat berat dalam suatu pemeriksaan tandatangan; dan

(d) walaupun *collected contemporaneous specimen* merupakan dokumen-dokumen atau spesimen-spesimen yang penting, SD3 dalam pemeriksaan beliau telah mengabaikan cirri-ciri keutamaan *collected contemporaneous specimen* dan menjalankan pemeriksaan beliau

berdasarkan dengan hanya satu daripada lapan *collected contemporaneous specimen* yang mematuhi ciri-ciri keutamaan *collected contemporaneous specimen* yang sepatutnya.

KESIMPULAN

[48] Berdasarkan alasan-alasan di atas, pada pandangan saya, hakim mahkamah sesyen telah terkhilaf dalam dapatan fakta yang memerlukan mahkamah ini mengenepikan keputusan tersebut.

[49] Pada pandangan saya, pihak perayu telah berjaya membuktikan kes perayu di atas dasar keimbangan kebarangkalian.

[50] Oleh itu, rayuan perayu dibenarkan dengan kos sebanyak RM2,000.

Rayuan dibenarkan dengan kos sebanyak RM2,000

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad